





[Experts](#)

## Literasi Jawi: Antara Memori Kolektif dan Kelestarian Identiti Kebangsaan

Aksara Jawi merupakan manifestasi epistemologi yang melangkaui sekadar coretan garis pada lembaran kertas kerana ia merupakan nafas tamadun yang telah mendarah daging dalam nadi sejarah Nusantara. Sejarah telah membuktikan bahawa sebelum fajar kolonialisme menyinsing di ufuk Timur, sistem tulisan ini telah menjulang kedaulatan intelek masyarakat Melayu melalui penggunaan bahasa yang sarat dengan muatan wahyu dan hikmah.

Keberadaan Jawi sebagai wahana komunikasi rasmi dalam urusan diplomatik dan perundangan mencerminkan satu bentuk kematangan sosiopolitik yang sangat tinggi, di mana setiap lengkok hurufnya membawa beban makna yang menghubungkan alam fana ini dengan kekuasaan Allah SWT. Apabila kita menelusuri naskhah lama seperti Hukum Kanun Melaka atau surat perisytiharan kedaulatan raja-raja, kita sebenarnya sedang berhadapan dengan saksi bisu kepada sebuah zaman keemasan yang meletakkan ilmu sebagai neraca tertinggi dalam pentadbiran. Persentuhan antara aksara ini dengan semangat keislaman telah melahirkan satu bentuk sintesis budaya yang unik, mengubah landskap pemikiran masyarakat daripada mitos kepada loges, serta daripada kegelapan jahiliah kepada cahaya tauhid yang gemilang.

Menilai kedudukan Jawi melalui kanta Perlembagaan Persekutuan memerlukan satu anjakan paradigma yang tidak hanya terkurung dalam tafsiran literal undang-undang. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tanpa memperincikan bentuk tulisannya. Namun, dari sudut sejarah, tulisan Jawi memainkan peranan penting sebagai medium utama bahasa Melayu sebelum penggunaan tulisan Rumi diperkukuh melalui pentadbiran kolonial Barat. Pengiktirafan ini bukan bertujuan untuk meminggirkan kepelbagaian etnik yang membentuk fabrik sosial Malaysia, sebaliknya ia berfungsi sebagai pasak yang menjamin kesinambungan sejarah agar tidak hanyut ditelan arus globalisasi yang kian menghakis akar tradisi. Kewujudan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang masih membenarkan penggunaan tulisan Jawi menjadi hujah kukuh bahawa negara ini tidak pernah memadamkan memori kolektifnya.

Secara saintifik, kepelbagaian sistem tulisan dalam sesebuah negara mampu merangsang fleksibiliti kognitif warganya, sebagaimana yang diulas oleh pakar linguistik dalam memahami fenomena biliterasi yang memperkukuh daya saing intelektual. Oleh itu, memelihara Jawi adalah satu tanggungjawab nasional yang bersifat eksistensial bagi memastikan watak Malaysia tetap utuh dalam kepelbagaian yang harmoni.

Sumbangan Jawi terhadap pembangunan tamadun manusia di rantau ini dapat dilihat melalui ledakan literasi yang berlaku sejurus selepas kedatangan Islam. Tulisan ini menjadi jambatan yang menghubungkan pemikiran tempatan dengan khazanah keilmuan global di Timur Tengah dan dunia Islam yang lain, membolehkan karya-karya besar dalam bidang astronomi, perubatan, dan falsafah diterjemahkan serta dihadam oleh penduduk setempat.

Sifat Jawi yang fleksibel dan kemampuannya untuk mengadaptasi fonetik bahasa Melayu dengan menggunakan pinjaman huruf daripada bahasa Arab (???????) menunjukkan betapa nenek moyang

---

kita memiliki daya kreativiti serta keterbukaan minda yang luar biasa. Kajian oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam karya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* menegaskan bahawa Islamisasi bahasa Melayu melalui tulisan Jawi telah merasionalkan pemikiran masyarakat, membawa mereka keluar daripada kepungan animisme menuju ke arah pemikiran saintifik yang berpaksikan keesaan Allah SWT. Kesenambungan ini sangat penting untuk difahami oleh generasi masa kini agar mereka tidak melihat Jawi sebagai satu bebanan masa lalu, tetapi sebagai aset strategik yang mampu memberikan kelebihan kompetitif dalam memahami geopolitik serta sejarah ekonomi di rantau ini.

Mendepani cabaran zaman moden yang serba pantas, Jawi seharusnya diletakkan dalam kerangka pendidikan yang inklusif serta menyuburkan rasa cinta akan tanah air. Pendekatan yang bersifat didaktik dan berhemah amat diperlukan bagi mengelakkan timbulnya salah faham yang boleh menggugat keutuhan nasional. Jawi perlu dipersembahkan sebagai seni warisan yang agung, setaraf dengan seni khat dunia yang dihormati di peringkat antarabangsa. Apabila kita melihat negara-negara maju seperti Jepun atau Korea yang tetap teguh mempertahankan aksara tradisional mereka di tengah-tengah kemajuan teknologi, kita seharusnya sedar bahawa kemodenan tidak menuntut kita untuk menjadi asing daripada diri sendiri. Sebaliknya, identiti yang kuat merupakan perisai yang paling ampuh dalam menghadapi ancaman homogenisasi budaya yang dibawa oleh gelombang digital. Usaha memperkasa Jawi mestilah bersifat holistik, merangkumi aspek pendigitalan dokumen sejarah serta penggunaan dalam ruang awam yang lebih meluas agar ia terus relevan dan segar dalam minda masyarakat majmuk.

Akhirnya, memuliakan tulisan Jawi adalah sebahagian daripada pengabdian kepada kebenaran sejarah dan penghormatan terhadap kebijaksanaan para leluhur. Ia adalah simbol kedaulatan yang mengingatkan kita bahawa Malaysia bukanlah sebuah entiti yang muncul tanpa akar, tetapi sebuah negara yang berdiri di atas hamparan peradaban yang sangat panjang dan kaya. Melalui Jawi, kita dapat mendengar suara-suara masa lalu yang memberikan panduan untuk mengemudi masa hadapan dengan lebih yakin dan bermaruah. Harapan kita adalah agar aksara ini terus kekal bernafas dalam sistem pendidikan dan kehidupan seharian, menjadi jambatan yang menghubungkan antara realiti fizikal dengan nilai-nilai kerohanian yang luhur. Sesungguhnya, setiap titik dan garis dalam Jawi adalah doa yang tidak putus-putus buat kemaslahatan ummah dan kemakmuran watan di bawah keredaan Allah SWT. Semoga usaha memartabatkan warisan ini menjadi saksi atas komitmen kita dalam menjaga amanah kedaulatan negara yang kita cintai ini demi kesejahteraan generasi akan datang yang bakal mewarisi pusaka berharga ini.

### **Rujukan:**

- Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1991). *Sejarah Aksara Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (1999). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 152.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.



**Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni**

**E-mel: [baihaqi@umpsa.edu.my](mailto:baihaqi@umpsa.edu.my)**

**Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).**

**Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).**

- 55 views

[View PDF](#)